

*Buletin Jabatan*  
**Pendaftar**  
U n i v e r s i t i T e k n o l o g i M A R A

Januari - Disember 2024



**TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN  
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

# TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)



**K**erajaan telah mengumumkan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah digunakan pakai selama hampir 21 tahun. Semakan semula adalah selari dengan perkembangan semasa, serta seiring dengan peranan yang perlu dimainkan oleh perkhidmatan awam dalam mencapai aspirasi nasional yang digariskan menerusi dokumen-dokumen dasar termasuk Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) yang memberi fokus kepada keberkesanan dan pencapaian keberhasilan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai perkhidmatan awam Persekutuan. Memberikan penerangan dan pemahaman yang jelas kepada semua Majlis Pengurusan Kanna (MPK) Universiti, Ketua Pentadbiran, Ketua Skim dan Staf Pejabat Pendaftar tentang struktur, prinsip, dan pelaksanaan SSPA yang akan digunapakai oleh UiTM.

Objektif taklimat SSPA adalah :-

1. Memberikan penerangan dan pemahaman yang jelas kepada semua Majlis Pengurusan Kanan (MPK) Universiti, Ketua Pentadbiran, Ketua Skim dan staf Pejabat Pendaftar tentang struktur, prinsip, dan pelaksanaan SSPA yang akan digunapakai oleh UiTM.
2. Untuk memastikan bahawa semua yang hadir dapat maklumat yang betul dan jelas berkaitan pelaksanaan SSPA.
3. Sebagai platform untuk semua yang hadir untuk mendapatkan penjelasan tentang maklumat-maklumat SSPA.



Jabatan Pendaftar  
Aras 3, Cansleri Tuanku Syed Sirajuddin,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor



Januari - Disember 2024

